

Lambat laun rakyat perlu terima hakikat — Musa

UM 24 JUN 2002

KUALA LUMPUR 23 Jun — Tan Sri Musa Hitam percaya tindakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan peletakan jawatannya semalam adalah untuk menyampaikan mesej secara jelas bahawa “suka atau tidak”, ahli-ahli UMNO dan rakyat lambat laun perlu menerima hakikat tersebut.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang amat terkejut apabila mendengar pengumuman daripada Perdana Menteri di Perhimpunan Agung UMNO itu berkata:

“Saya kenal Perdana Menteri dan beliau benar-benar ikhlas dan saya rasa beliau memang berhasrat lama untuk meletakkan jawatan, tetapi hanya menunggu masa dan cara menyampaikannya.

“Apabila saya teliti dan hayati, saya percaya Dr. Mahathir berbuat demikian untuk menyampaikan mesej dengan jelas dan lantang bahawa lambat laun negara perlu menyediakan kepimpinan baru.”

Musa yang dihubungi oleh *Utusan Malaysia* hari ini berkata demikian ketika mengulas pengumuman Presiden UMNO semalam yang mahu melepaskan semua jawatan dalam parti di hadapan para perwakilan.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menarik balik keputusan mengejutnya itu kira-

“Selain itu, tidak ada tanda-tanda yang jelas bahawa Dr. Mahathir akan meletakkan jawatan berdasarkan perkembangan yang berlaku di dalam negara sejak akhir-akhir ini.

“Sebab itu, apabila beliau membuat pengumuman itu ramai termasuk saya sendiri benar-benar terkejut,” kata Musa yang juga bekas Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam).

Mengenai tuduhan-tuduhan tidak berasas daripada sesetengah pemimpin pembangkang yang menuduh beliau hanya bersandiwara, Musa secara tegas berkata, jika ada tuduhan seumpama itu ia tidak berasas sama sekali.

Ditanya sama ada wajar Presiden UMNO itu mengumumkan peletakan jawatannya di Perhimpunan Agung UMNO, beliau menganggap Dr. Mahathir memilih saluran yang sesuai untuk berbuat demikian.

“Saya rasa Perdana Menteri memilih Perhimpunan Agung UMNO kerana ia adalah saluran sesuai untuk mengumumkan perkara yang amat penting itu kepada ahli-ahli parti,” katanya yang pernah memegang jawatan Timbalan Presiden UMNO dari tahun 1981 hingga 1987.

kira sejam kemudian setelah dipujuk oleh ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO dan pemimpin UMNO lain.

Ketika ditanya mengenai perasaannya ketika mendengar pengumuman Perdana Menteri itu, Musa berkata, beliau begitu terpelekat dan tidak menyangka sama sekali bahawa Dr. Mahathir akan berbuat demikian berdasarkan keadaan semasa beliau menggulung perbincangan.

“Ketika itu saya menonton televisyen di rumah dan seperti orang lain, saya juga amat terkejut kerana sewaktu menemui Perdana Menteri di pejabatnya baru-baru ini, beliau tidak memberikan bayangan ke arah itu.